

BULETIN

SKILLS IN-TREND

TERBITAN JPK WILAYAH TENGAH
EDISI 2021

M/S
4

SEMINAR JPK BERSAMA GURU KAUNSELING
KE ARAH MEMPERKASA
“INDUSTRY LEAD TRAINING”

M/S
6

BAHULU CIK HANA BUKTI KEJAYAAN
PELATIH KEMAHIRAN

M/S
15

AKTIVITI LATIHAN
NORMA BAHARU

M/S
18

DARUL QURAN HASRAT LAHIRKAN
125K HUFFAZ PROFESIONAL
MENJELANG 2050

JOB



SKILL





MSPiKE
Sistem Pengurusan Integrasi Kemahiran Malaysia
Kuasai Kemahiran, Kuasai Masa Depan

Senarai Modul MySPIKE :

1	Pengguna
2	Personel
3	Pentauliahan
4	Verifikasi
5	Pendaftaran
6	Pentauliahan Pencapaian Terdahulu (PPT)
7	Penilaian
8	Persijilan
9	NOSS
10	Penarafan Bintang
11	SkillsMalaysia
12	Industri
13	ePayment
14	eQB
15	eWIM
16	Statistik
17	Pembiayaan
18	Eksekutif
19	Aduan
20	Borang Aduan Masalah

Senarai Kandungan

3	SIDANG REDAKSI KATA-KATA ALUAN PENGARAH
4	SEMINAR JPK BERSAMA GURU KAUNSELING KE ARAH MEMPERKASA “INDUSTRY LEAD TRAINING”
6	BAHULU CIK HANA BUKTI KEJAYAAN PELATIH KEMAHIRAN
8	ATIKA NOR TEKAD CEBURI BIDANG ANIMASI 3D
10	RAJIN & KUAT BERUSAHA PRINSIP HIDUP SAID BIN SAFIAI
12	PENULARAN COVID-19 DI MALAYSIA
14	STATISTIK SLDN WILAYAH TENGAH TAHUN 2016-2020
15	AKTIVITI LATIHAN NORMA BAHARU
16	KOLEKSI NIKMAT DAN FESYEN BERPISAH TIADA
18	DARUL QURAN HASRAT LAHIRKAN 125,000 HUFFAZ PROFESIONAL MENJELANG 2050
20	DES SALON YAKIN SKM MAMPU JANJIKAN MASA DEPAN KERJAYA YANG BAIK
22	SLDN PLUS 2021 : MENINGKATKAN KEKOMPETENAN TENAGA MAHIR NEGARA
23	PERASMIAN AKADEMI CARSOME SEBAGAI PUSAT PENILAIAN AMALI 12 TENAGA MAHIR SPA TERAPI AL-FATEH DIPERSIJILKAN SKM TAHAP 3 BIDANG URUT TERAPI
24	AKTIVITI PROMOSI JPKWT
26	KURSUS ANJURAN JABATAN
27	AKTIVITI KAKITANGAN JPKWT



SIDANG Redaksi

PENASIHAT

Dr. Ts. Hajah Ruminah bt. Muhammad Zain

KETUA EDITOR

Pn. Juliana bt. Jopely

EDITOR

Ts. Wan Sulaiman b. Md Daud

Ts. Mohd Bakhtiar b. Sobri

Pn. Antasya bt. Mohd Arif

Pn. Rosmani bt. Yusof

PENGARANG

Pn. Norhidayah bt. Mohd Zain

Pn. Kausar bt. Mohd Hanapi @ Abd Rahim

Pn. Ety Nurulhuda bt. Mohd Johar @ Mohamad

En. Ismail b. Abdul Hamid

Pn. Rohani bt. Rahman

Pn. Norsiah bt. Muhammad

En. Mohd Faiz b. Che Mat

En. Mohamad Sharkan b. Mahri

Pn. Nur Sakinah bt. Mohamad

Pn. Fazuany Haida bt. Mior Muhammad Dahari

Pn. Fatimah bt. Asaud

En. Muhamad Nur b. Abu Bakar

TERBITAN

Jabatan Pembangunan Kemahiran
Wilayah Tengah

Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel daripada mana-mana agensi, penyedia latihan dan individu yang ingin mempromosi sebarang aktiviti yang berkaitan dengan latihan kemahiran untuk dimasukkan ke dalam terbitan akan datang. Sumbangan artikel tersebut boleh diemel ke jpktengah@mohr.gov.my

Kata-Kata Aluan PENGARAH



Assalamualaikum wbt.
dan Salam Sejahtera..

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah rahmatNya Buletin *Skills In-Trend* Edisi 2021 ini dapat diterbitkan dengan jayanya. Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua ahli Sidang Redaksi buletin ini kerana berjaya menerbitkan Buletin *Skills In-Trend* Edisi 2021. Sesungguhnya, penerbitan Buletin *Skills In-Trend* ini mencerminkan kesungguhan pihak JPKWT dalam menggembleng tenaga untuk menjayakan budaya kerja berpasukan.

Peluang seperti ini bukan sahaja dapat mengembangkan profesionalisme, malah menghasilkan kakitangan yang mampu memberi sumbangan dalam bidang penulisan. Melalui Buletin *Skills In-Trend* ini, kakitangan akan dapat menyumbang berita, hasil kajian dan rumusan untuk dikongsi bersama semua pelanggan JPKWT dan khasnya kepada warga JPKWT sendiri.

Pada tahun 2021 ini, negara kita sekali lagi berhadapan dengan cabaran kesihatan, pendidikan dan ekonomi serentak daripada arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang disebabkan oleh virus Covid-19. Kesannya semua pihak perlu menjalankan pekerjaan, pembelajaran dan kehidupan seharian di rumah. Perkara ini sedikit sebanyak memberi tekanan kepada semua pihak.

Namun begitu, sokongan dan kerjasama semua Pusat Bertauliah yang terus gigih dan komited menjalankan latihan kemahiran dalam keadaan sukar ini harus dipuji. Justeru itu, marilah kita bersama-sama menyahut seruan Kerajaan supaya virus Covid-19 ini dapat kita kalahkan dan kita dapat melalui kehidupan seharian seperti biasa.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah berusaha menerbitkan Buletin *Skills In-Trend* Edisi 2021 ini. Semoga usaha murni ini akan berterusan sehingga menjadi budaya dalam kalangan kakitangan di JPKWT. Selamat maju jaya kepada semua warga JPKWT. Semoga kita semua lebih menyerlah pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Dr. Ts. Hajah Ruminah binti Muhammad Zain
Pengarah

Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Tengah
Kementerian Sumber Manusia

SEMINAR JPK BERSAMA GURU KAUNSELING KE ARAH MEMPERKASA “INDUSTRY LEAD TRAINING”

Program Seminar JPK Bersama Guru Kaunseling merupakan aktiviti yang telah dirancang oleh Jabatan dalam mempromosikan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Selaras dengan keadaan semasa yang mana negara masih dalam situasi penularan pandemik Covid-19 yang masih aktif, Jabatan mengambil pendekatan dengan melaksanakan program ini secara atas talian. Program ini dianjurkan bersama empat (4) pejabat wilayah iaitu JPK Tengah, JPK Timur, JPK Utara dan JPK Sabah & WP Labuan.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat mengenai latihan kemahiran amnya dan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia khususnya melalui guru-guru Kaunseling sekolah.

Program ini telah berlangsung secara atas talian menggunakan Platform ZOOM pada 24 Mac 2021. Kehadiran dan penyertaan para jemputan adalah sangat memberangsangkan iaitu seramai 201 orang guru kaunseling telah hadir secara atas talian yang mana telah melebihi sasaran asal iaitu seramai 150 orang.



Seminar JPK Bersama Guru Kaunseling dirasmikan oleh YBhg. Ts. Hj. Zaihan bin Shukri, Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran



Bacaan Doa oleh En. Mohd Nur bin Abu Bakar



Pengacara Majlis En. Mohamad Sharkan bin Mahri



Antara pegawai-pegawai yang telah menjayakan seminar

Jabatan sangat bertuah dan berbesar hati dengan kesudian beberapa agensi yang turut terlibat menjayakan seminar ini iaitu daripada Kementerian Belia Dan Sukan (KBS), Bermaz Auto Berhad dan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT). Agensi-agensi ini merupakan Pusat Bertauliah (PB) yang berdaftar dengan JPK dan sentiasa aktif dalam menyokong aktiviti Jabatan terutama melibatkan latihan kemahiran.

Beberapa perkongsian maklumat telah disampaikan oleh para penceramah jemputan iaitu taklimat berkaitan Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) disampaikan oleh Ts. Wan Sulaiman Bin Md Daud wakil JPK Wilayah Tengah, Taklimat Pelaksanaan Latihan Kemahiran Berasaskan Industri Di Kementerian Belia Dan Sukan (KBS) disampaikan oleh En. Saifoul Bahari Bin Saad, wakil daripada Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia, Kementerian Belia Dan Sukan, Taklimat Pelaksanaan "Industry Lead Training" di Bermaz Auto Berhad, disampaikan oleh En. Shamsuddin Bin Hj. Amran wakil daripada Bermaz Auto Berhad, dan Taklimat Pelaksanaan SLDN Dari Perspektif YPK daripada En. Mohd Ali @ Mohd Fauzy Bin Abd Ghani wakil daripada Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT).



Ts. Wan Sulaiman Bin Md Daud,
Penolong Kanan Pengarah,
JPK Wilayah Tengah



En. Saifoul Bahari Bin Saad,
Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Pembangunan
Kemahiran Belia, KBS



En. Shamsuddin Bin Hj. Amran
Head Of Aftersales
Bermaz Auto Berhad



En. Mohd Ali @ Mohd Fauzy
Bin Abd Ghani,
Ketua Penolong Pengarah,
YPKT



Antara Guru Kaunseling yang hadir secara online

Penganjuran program seminar ini telah berjaya mencapai matlamat dalam menjadi platform kepada Jabatan untuk menyalurkan maklumat yang tepat mengenai fungsi dan peranan JPK serta agensi yang terlibat dalam mengarusperdana latihan kemahiran untuk disampaikan kepada pelajar melalui guru kaunseling. Penyertaan guru kaunseling di dalam program ini juga merupakan kaedah terbaik dalam mewujudkan hubungan strategik antara Jabatan dan pihak sekolah. Di samping itu ianya dapat memberikan kefahaman dengan lebih jelas dan tepat kepada mereka terhadap keperluan industri dari segi kompetensi pekerjaan yang diperlukan oleh syarikat. Semoga pelaksanaan SPKM ini dapat memberi impak maksima kepada hala tuju dan kemajuan TVET negara secara keseluruhannya.

BAHULU CIK HANA

BUKTI KEJAYAAN PELATIH

KEMAHIRAN

KAGUM. HANYA DENGAN SATU PATAH PERKATAAN SUDAH MENCUKUPI UNTUK MENJADI KESIMPULAN BUAT **NUR AMIRA BINTI HALIL**. PEMEGANG **DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA** INI SEHARUSNYA DICONTOKI KERANA MAMPU MERAHAI PENDAPATAN LUMAYAN HASIL DARI KEMAHIRAN YANG DIPELAJARNYA SETELAH DITERJEMAHKAN KE DALAM BENTUK PERNIAGAAN.

Anak kelahiran Selangor ini telah dilahirkan pada 13 Julai 1996. Beliau merupakan bekas pelajar Kolej Vokasional (KV) ERT Setapak dan pemegang DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA yang dikeluarkan oleh JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN dalam bidang PENYEDIAAN DAN PEMBUATAN MAKANAN. Pelajar ini telah berjaya dalam bidang kemahiran dan membina empayar perniagaannya sendiri di bawah nama BAHULU CIK HANA. Beliau telah membuktikan dengan adanya ilmu kemahiran serta usaha yang gigih, beliau mampu mencipta kejayaan melalui perniagaan sendiri sejak tahun 2016. Beliau juga merupakan pemenang Anugerah Usahawan Produk dari FAMA bagi tahun 2018 dan Anugerah Alumni BPTV bagi tahun 2019.

KELUARGA BUKAN DARI LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

Faktor keluarga bukan dari latar belakang perniagaan bukanlah penghalang untuk beliau menjadi ahli perniagaan. Pada awalnya, tiada langsung bibit minat dalam bidang ini kerana tiada ahli keluarga beliau yang pernah terlibat dalam perniagaan. Namun begitu, dengan adanya ilmu kemahiran yang diperolehi semasa belajar, ia telah mendorong beliau untuk mempraktikkan kemahiran tersebut. Beliau langsung tidak menyangka mampu berada di tahap sekarang dan keluarga beliau sentiasa menjadi tulang belakang utama.

KENAPA BAHULU

Beliau berpendapat bahu merupakan makanan tradisional dan makanan yang tidak ditelan zaman. Untuk jangka masa panjang bahu adalah perniagaan yang baik dan jarang dimonopoli oleh generasi muda. Oleh sebab itulah beliau memilih bahu walaupun ramai rakan sebaya beliau memilih untuk membuat kek.



Nur Amira (tengah) bersama kedua ibubapanya pada Majlis Konvokesyen Kolej Vokasional



Sijil DKM yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran yang diperolehi oleh Nur Amira



Premis perniagaan Bahulu Cik Hana milik Nur Amira



Tiga jenis bahulu keluaran Bahulu Cik Hana



Mesin dan peralatan untuk membuat bahulu di Kedai Bahulu Cik Hana



Keratan akhbar Kosmo bertarikh 3 Oktober 2017 berkaitan kejayaan Nur Amira

kesemua empat buah yang lain iaitu KV(ERT) Azidah, Johor Bahru, Johor; KV(ERT) Puteri, Temerloh, Pahang dan KV Dato' Undang Haji Muhamad Sharip, Rembau, Negeri Sembilan.

Secara umum, lebih 70 peratus bekas pelajar KVertS berjaya mendapatkan pekerjaan sebaik menamatkan pengajian.

Antara alumni KVertS yang boleh dibanggakan ialah bekas pelajar program Seni Kulineri, Nur Amira Halil, 21. Alumni kumpulan pertama

SUSAH SENANG

Beliau memulakan perniagaan secara kecil-kecilan dengan mempromosikannya secara atas talian, di kedai runcit, pasar tani dan stesen minyak. Pada awalnya beliau hanya membuat bahulu di rumah, dan sekarang beliau telah mempunyai premis perniagaan sendiri. Pada tahun 2018, beliau telah berjaya menembusi pasaran Singapura dengan bimbingan FAMA. Pada tahun 2020 hingga sekarang, walaupun ekonomi negara agak terjejas akibat pandemik Covid-19, tetapi bahulu keluaran beliau masih mendapat sambutan. Kaedah perniagaan diubah kepada perniagaan secara atas talian menggunakan platform media sosial iaitu Instagram, Facebook dan Shopee.

HARAPAN DAN NASIHAT

Sudah pastinya menjadi harapan beliau untuk mengembangkan empayar Bahulu Cik Hana. Beliau berazam untuk membuka cawangan baru di setiap negeri di Malaysia. Nur Amira juga berhasrat untuk berkongsi ilmu kepada beliau dan menjadi contoh kepada pelajar jurusan kemahiran. Kepada anak muda yang hendak mencuburi bidang kemahiran, Nur Amira menasihatkan supaya fokus serta berani mencuba dan menggunakan kemahiran yang ada.

Instagram : bahulucikhana
 Facebook : Bahulu Cik Hana
 Shopee : kedaicikhana

ATIKA NOR

Tekad Ceburi Bidang Animasi 3D

Mula meminati bidang animasi 3D ketika mengikuti pengajian Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Langat, ibu kepada 2 cahaya mata ini berniat ingin menembusi industri ini ketika menjalani latihan industri (LI). Atika Nor Binti Mahamad Razali, 32 tahun berasal dari Klang, Selangor merupakan salah seorang pemegang sijil kemahiran Malaysia. Menyentuh mengenai kehidupan peribadinya, Atika memberitahu beliau dibesarkan dalam keluarga yang sederhana bersama seorang kakak dan 2 adik perempuan. Bapanya seorang pesara kerajaan manakala ibu adalah seorang suri rumah.

“Pada tahun 2013, syarikat yang menghasilkan animasi 3D sangat sedikit dan sangat sukar untuk saya cari. Akhirnya saya menjumpai Syarikat Nibiru Pictures Sdn. Bhd. untuk menjalankan *internship* di sana. Saya menjadi Pereka Kesan Khas Visual (vfx). Projek pertama yang saya buat bersama syarikat tersebut adalah cerita Fruiterama Episod 10, 11 & 12. Setelah itu, saya menyambung pelajaran dalam kursus *Vocational Training Operation (VTO)* di CIAST dan kemudian terus bekerja sebagai pengajar kemahiran dalam bidang Multimedia di MCS College setelah tamat belajar.

“Pada tahun 2015, saya memulakan langkah untuk menjadi pengajar bidang Animasi 3D. Dengan izin Allah saya diterima sebagai pengajar SLDN di Les’ Copaque Animation Academy (LCAA). LCAA adalah sebuah institusi pembelajaran dan merupakan anak syarikat kepada Les’ Copaque Production Sdn. Bhd. (LCP). LCP pula merupakan syarikat animasi 3D ternama yang telah banyak menerima anugerah khas dan dikenali di serata dunia. Saya sangat bertuah kerana berpeluang bekerjasama dengan pakar industri di LCP. Mereka semua sangat berbakat, tidak lokek ilmu dan mempunyai semangat yang besar.

“Di LCAA, saya belajar banyak perkara melibatkan pengurusan pelajar dan kolej. Banyak perkara teknikal baru yang saya belajar dan saya sedar rupanya banyak lagi yang saya tidak tahu. Saya perlu lebih belajar lagi, disebabkan itu saya terpanggil untuk menjadi tenaga pengajar dalam bidang animasi 3D. Saya menyimpan hasrat untuk menjadi tenaga pengajar yang berkebolehan dan saya ingin berkongsi bagaimana proses animasi 3D dibuat di studio produksi,” ulas beliau.



“Jangan pernah putus asa. Jika gagal, buat semula dan susun strategi untuk pergi lebih jauh. Saya telah melalui pelbagai kegagalan suatu ketika dahulu. Restu mak & ayah sangat penting.”

- Atika Nor

PENDIDIKAN

- **Tahun : 2006**
Sijil : SPM
Sekolah : SMK Telok Panglima Garang
- **Tahun : 2008-2009**
Sijil : SKM Tahap 2 & 3
Bidang : Multimedia
Pengarangan
(IT-050 & IT-060)
Institusi : ILP Kuala Langat.
- **Tahun : 2012-2013**
Sijil : DKM
Bidang : Multimedia
Interaktif (IT-070-4:2011)
Institusi : ILP Kuala Langat.
- **Tahun : 2014**
Sijil : Sijil Pengajar Vokasional
Tahap 3
Bidang : Pegawai Latihan
Vokasional (I-031-3)
Institusi : CIAST, Shah Alam



Bersama pihak pengurusan LCPP



Anugerah Graduan VTO
Terbaik Sesi Januari 2014

PENCAPAIAN

- Pereka Grafik di Emall Printing & Advertising pada tahun 2009.
- Pereka Kesan Visual 3D & Pereka Graphic di Nibiru Pictures Sdn. Bhd. pada tahun 2013
- Pengajar PB SLaPB di MCS College pada Jun 2014 – Jan 2015
- Panel Hakim Pertandingan KV SKILLS (Animasi) Peringkat Kebangsaan di Kolej Vokasional Kuala Selangor pada 16 – 19 Nov 2015
- Personel/Penyelaras & Pengajar Vokasional di PB SLDN Les' Copaque Animation Academy pada Mac 2015 sehingga kini
- Mengajar Silibus Asas Animasi 3D kepada pelajar-pelajar yang menceburi bidang robotic di bawah tajaan MDEC di bawah program My Digital Movement Maker pada 8 Jun 2017
- Menjadi *organizer* Pameran Hasil Kerja Akhir Pelajar SLDN Batch Pertama pada 25 Julai 2017 di Lobi Les' Copaque Animation Academy. Mendapat liputan dari Utusan Malaysia & Kosmo
- Menjadi Ahli Panel Jemputan untuk Program Karnival Kerjaya Multimedia, yang mana kesemua ahli panel adalah ALUMNI yang telah berkerja di dalam industri kreatif, program ini pada 24 Ogos 2017 di ILP Kuala Langat
- Menjadi Ahli Panel Jemputan webinar/forum dalam talian yang mempromosikan Pensijilan Kemahiran Malaysia untuk komuniti digital teknologi dengan kerjasama MDEC pada 26 Jan 2021



Ahli panel jemputan webinar



Organizer Pameran Hasil Kerja
Perantis SLDN

Ditanya tentang pandangan beliau berkenaan sijil kemahiran ini, “Saya tidak sangka SKM & DKM yang saya ada ini telah membawa saya sehingga ke peringkat ini. SKM merupakan sijil yang patut ada dalam semua pelajar normal mahupun orang kelainan upaya kerana ianya berupaya melahirkan pekerja mahir yang terlatih dan berkelayakan untuk mempertingkatkan daya saing industri tempatan di pasaran dunia.

“SKM adalah salah satu kemahiran tambahan yang perlu ada untuk persediaan semasa bekerja. SKM juga dapat memberikan kelebihan (*added value*) kepada seseorang itu. Ramai graduan SKM yang menjadi majikan menjalankan perniagaan sendiri di mana pendapatannya mungkin mencecah jutaan ringgit setahun (contohnya bidang kecantikan dan rambut yang buka francais, penternak yang mengusahakan ladang perikanan/udang dan sebagainya). Pekerja yang bekerja dalam industri kemahiran di Dubai, Australia, China dan mana-mana negara di luar Malaysia, majikan dan kedutaan rata-ratanya hanya mengiktiraf SKM/DKM/DLKM dari badan professional yang dikenali dunia (seperti ACCA, CIBTAC, CIDESCO, TWI dan sebagainya).

“Kesimpulannya, SKM menyediakan satu laluan kerjaya dan pembangunan diri setanding dengan laluan kerjaya berasaskan kelayakan akademik di Malaysia mahupun di luar Malaysia,” penutup kata dari beliau.

Rajin & Kuat Berusaha

Prinsip Hidup Said Bin Safiai

“ Sentiasa berpegang kepada prinsip rajin dan kuat berusaha adalah antara resepi kejayaan **En Said Bin Safiai**.

Beliau percaya lambat atau cepat sesuatu pencapaian hanyalah satu proses di dalam membina sesuatu kejayaan.

Kejayaan tidak boleh dikecapi tanpa bantuan orang lain. Disebabkan itu, pengasas pusat servis kereta Seri Serai Solution ini sentiasa menerapkan amalan kerja berpasukan dan bukan mengorak langkah bersendirian yang hanya akan membuatkan diri lelah dan mudah kecewa. “



Menyingkap sejarah pembabitan En Said di dalam bidang pendidikan vokasional dan TVET, anak kelahiran Kuala Kangsar ini mula menceburi bidang kemahiran sejak di bangku sekolah. Beliau mendapat pendidikan awal kemahiran dalam bidang Penyejukan Udara dan Penyejukbekuan dari Sekolah Menengah Vokasional Kuala Kangsar, Perak.

Dengan sijil SPMV, beliau meneruskan pengajian bagi mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia sehingga tahap 3. Pernah bekerja dengan syarikat kontraktor *aircond* sekitar tahun 1994, bapa kepada dua cahayamata ini menjadikan pengalaman itu sebagai satu permulaan di awal kariernya.

Setelah menimba pengalaman selama dua tahun di syarikat itu, beliau meneruskan kerjaya sebagai juruteknik di Intel Tech Sdn Bhd, iaitu sebuah kilang pemproses cip komputer di Pulau Pinang. Setelah berkhidmat selama 15 tahun di kilang tersebut, beliau merasakan semakin banyak ilmu dan kemahiran yang perlu diterokai.

BENGGEL KERETA MENJADI PUSAT LATIHAN

Pada tahun 2010 Encik Said telah mengambil keputusan untuk berhenti kerja dan ingin lebih mendalami kemahiran dalam bidang penyelenggaraan *aircond* kenderaan dengan menubuhkan perniagaan sendiri iaitu **Seri Serai Solution** di Bagan Serai, Perak.

Ia merupakan sebuah bengkel yang menawarkan perkhidmatan pembaikan kereta dan pengkhususan dalam servis *aircond* kenderaan. Peranan sebagai ketua bukan sahaja dilihat hanya sebagai seorang “bos”, tetapi juga sebagai seorang pendidik.

Jujur, ikhlas, amanah dan berintegriti adalah sifat asas yang perlu ada pada setiap ketua dan pemimpin. Bukan hanya sekadar menggaji pekerja semata-mata, ketua yang baik mampu menjadi *role-model* untuk menerapkan nilai-nilai murni kepada generasi baru bagi melahirkan modal insan yang efektif dan berguna kepada masyarakat kelak.



Encik Said bersama perantis dan Pegawai Pengesah Luaran semasa peperiksaan akhir

Menyedari bahawa generasi hari ini merupakan aset penting kepada agama, bangsa dan negara serta tidak mahu masyarakat yang keciciran di dalam bidang akademik terpinggir membuatkan Encik Said terpanggil untuk membuka pusat latihan kemahiran bertauliah Seri Serai Solution. Pusat ini telah diberi pentauliah oleh JPK pada tahun 2012 sebagai pusat bertauliah dalam bidang Automotif—pengkhususan Servis Penyamanan Udara Automotif.

Beliau sendiri menjadi salah seorang tenaga pengajar di pusat latihan tersebut yang beroperasi secara In-House di bengkelnya di sini. Beliau percaya dengan sikap suka memberi dan berkongsi ilmu yang bermanfaat kerana Allah, akan mendapat ganjaran pahalanya secara berterusan.

Bermula dengan perantis seramai lima (5) orang, beliau bersama tenaga pengajar lain telah berjaya membimbing lebih 30 orang perantis yang kompeten di dalam bidang yang ditawarkan di Seri Serai Solution dalam satu-satu masa.

Beliau amat bersyukur walaupun jumlahnya tidak ramai, malah kualiti dan keberkesanan pembelajaran yang diterapkan telah membolehkan kesemua perantisnya mendapat tempat di industri sebaik tamat latihan.

PERNIAGAAN BERKEMBANG

Tidak hanya berhenti setakat itu, sekitar bulan Oktober 2017 ikon ini telah mengembangkan lagi perusahaan yang dijalankan bersama-sama 3 orang rakan perniagaan dengan menubuhkan syarikat penyamanan udara kenderaan yang diberi nama Azbi Centre (M) Sdn Bhd.

Syarikat itu mempunyai enam cawangan, iaitu empat cawangan di Selangor dan satu cawangan masing-masing di Perak dan Pulau Pinang.

Beliau melahirkan rasa syukur kerana mendapat manfaat dari penganjuran program SLDN oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran yang mana program ini dapat membantu masyarakat mendapatkan kemahiran dalam bidang Penyamanan Udara khususnya. Beliau berharap pusat bertauliah Azbi Centre dapat dikembangkan ke setiap negeri seluruh Malaysia pada masa akan datang.



Perantis di salah sebuah cawangan Azbi Centre (M) Sdn Bhd

PENULARAN COVID-19 DI MALAYSIA



TARIKH	ARAHAN /PEMAKLUMAN DARI MASA KE SEMASA	TARIKH	ARAHAN /PEMAKLUMAN DARI MASA KE SEMASA
27 JAN 2021	Pasangan Suami Isteri Jarak Jauh DIBENARKAN Rentas Negeri Untuk Berjumpa Keluarga Dengan Kebenaran PDRM	10 MAC 2021	1. Gelembung Pelancongan - Pergerakan negeri PKPP ke negeri PKPP DIBENARKAN menggunakan agensi pelancongan yang berdaftar dengan MOTAC. Pergerakan menggunakan kenderaan peribadi adalah TIDAK DIBENARKAN 2. Acara Langsung Bagi Industri Kreatif Di kawasan PKPP & PKPB DIBENARKAN
5 FEB 2021	Sektor/Perkhidmatan DIBENARKAN Beroperasi Dengan SOP Yang Ketat: •Pasar Malam (4.00 petang – 10.00 malam) •Kedai gunting rambut / salon (gunting rambut sahaja) – sehingga 10.00 malam •Kedai cuci kereta – sehingga 10.00 malam	16 MAC 2021	1. Pergerakan rentas daerah DIBENARKAN kecuali Sabah & Sarawak. Manakala pergerakan rentas negeri TIDAK DIBENARKAN 2. Operasi Bazar Ramadan & Aidilfitri DIBENARKAN 3. Solat Terawih DIBENARKAN
10 FEB 2021	1. PEMBUKAAN Beberapa Sektor Perniagaan Peruncitan 2. Sektor Industri Kreatif DIBENARKAN	1 APRIL 2021	1. Kapasiti Kehadiran Pekerja Sektor Swasta & Perkhidmatan Awam: • Sektor Swasta : 100% bagi kumpulan pengurusan & operasi/sokongan di kawasan PKPB • Perkhidmatan Awam : Kehadiran berdasarkan Pekeliling/Arahan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) 2. Kejohanan Sukan Di Stadium/Venue dengan kehadiran penonton DIBENARKAN seperti berikut: • Kawasan PKPB - 10% atau 2,000 penonton (yang mana lebih rendah). • Kawasan PKPP - 25% atau 8,000 penonton (yang mana lebih rendah).
12 FEB 2021	1. Aktiviti/Operasi Pancing Yang DIBENARKAN Dengan SOP Yang Ketat 2. Aktiviti/Operasi Bagi Institut Memandu Dan Pusat Latihan Penerbangan DIBENARKAN Dengan SOP Ketat	5 APRIL 2021	Pembukaan Sekolah Menengah
15 FEB 2021	Program Latihan Berpusat Dibenarkan Bagi Pasukan Dalam Liga Bola Sepak Malaysia, Liga Hoki Malaysia Dan Liga Sepak Takraw	12 APRIL 2021	1. Pengoperasian Restoran/Kedai Makan Sepanjang Bulan Ramadan Dibenarkan Melanjutkan Operasi Sehingga 6.00 Pagi Bagi Yang Menyediakan Juadah Sahur 2. Buffet Ramadan & Majlis Berbuka Dibenarkan Dengan SOP Ketat
16 FEB 2021	Syarat Pergerakan Dalam Radius 10 Kilometer DIBATALKAN	4 MEI 2021	Pergerakan Merentas Negeri & Daerah TIDAK DIBENARKAN di kawasan PKP kecuali atas urusan kecemasan, pekerjaan & lain-lain pergerakan yang dibenarkan dalam SOP
24 FEB 2021	PEMBERIAN SUNTIKAN VAKSIN PERTAMA	5 MEI 2021	1. Penganjuran bagi Majlis Rasmi & Tidak Rasmi Kerajaan & Swasta TIDAK DIBENARKAN di kawasan PKP 2. Dine-in di kedai makan TIDAK DIBENARKAN di kawasan PKP 3. Premis makanan seperti restoran, food truck, penjaja & kiosk DIBENARKAN beroperasi dari 6.00 pagi sehingga 12 tengah malam sahaja di kawasan PKP 4. Kerajaan MENGGANTUNG KEBENARAN rentas negeri melalui Gelembung Pelancongan Bersasar (Green Travel Bubble) kawasan PKPP ke PKPP bagi tujuan pelancongan menggunakan agensi pelancongan
26 FEB 2021	Aktiviti Pemuzik Jalanan Atau Buskers DIBENARKAN Di Kawasan PKP Dengan Pematuhan Semua SOP	10 MEI 2021	1. LARANGAN RENTAS negeri & daerah tanpa kebenaran pihak PDRM di SELURUH NEGERA 2. Penutupan bazar ramadan & bazar aidilfitri di kawasan PKP
1 MAC 2021	1. Penghantaran Anak Ke Sekolah/Asrama Oleh Ibu Bapa DIBENARKAN Dengan Surat Pengesahan Dari Pihak Sekolah/Asrama 2. Pembukaan Sekolah Rendah (Murid Pra-Sekolah, Tahun 1 dan 2)		
5 MAC 2021	1. Aktiviti Meeting, Incentives, Conferences & Exhibitions (Mice) Serta Mesyuarat Bersemuka DIBENARKAN 2. Pergerakan Rentas Daerah Dalam Negeri Kecuali Negeri Sabah Dibenarkan Manakala Rentas Negeri TIDAK DIBENARKAN 3. Majlis Rasmi/Tidak Rasmi Dan Majlis Sosial Di Kawasan PKPB (50% keluasan premis) & PKPP (mengikut keluasan premis) DIBENARKAN 4. Pergerakan Rentas Antara Selangor & WP. Kuala Lumpur Dibenarkan Manakala Pergerakan Dari Selangor Atau WP. Kuala Lumpur Ke WP. Putrajaya TIDAK DIBENARKAN		
8 MAC 2021	Pembukaan Sekolah Rendah (Murid Tahun 3,4,5 dan 6)		
9 MAC 2021	Dasar Bekerja Dari Rumah Diteruskan (Kawasan PKPB - 30% kehadiran kawasan PKPP - Kehadiran Optimum)		

ARAHAN/GARIS PANDUAN YANG DIKELUARKAN JPA

Surat Edaran JPA dengan rujukan JPA.800-1/6/4(2) bertarikh 16 Mac 2020

Garis Panduan Pengendalian Isu-isu Berhubung Penularan Jangkitan Covid-19 Di Premis Kerajaan

Surat Edaran JPA dengan rujukan JPA.SARAAN(S)256/6/3 1 Jld.6(6) bertarikh 2 Mei 2020

Operasi Pejabat Kerajaan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)

Surat Edaran JPA dengan rujukan JPA.SARAAN(S)256/6/3 1 Jld.7(4) bertarikh 25 Oktober 2020

Peringatan Mengenai Pematuhan Peraturan Semasa Bekerja Dari Rumah Dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993

Arahan Pengoperasian Pejabat Kerajaan di bawah perintah-perintah kawalan pergerakan (no rujukan: JPA 100-1/4/2(15) bertarikh 12 Januari 2021)

1. PKP & PKPB:

- Perkhidmatan Perlu (essential services) – 100%
- perkhidmatan lain – 30% maksimum

2. PKPP – kehadiran secara optimum

Surat Edaran JPA dengan rujukan JPA.SARAAN(S)256/6/31 Jld.6(2) bertarikh 17 Mac 2020

Arahan Bekerja Dari Rumah Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Dan Penutupan Premis Kerajaan

Surat Edaran JPA dengan rujukan JPA.SARAAN(S)256/6/31 Jld.7(2) bertarikh 21 Oktober 2020

Arahan Kehadiran Bertugas Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Negeri Selangor, Sabah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya Dan Labuan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat

Pekeliling Edaran JPA dengan rujukan JPA.100-1/4/2 (12) bertarikh 21 Disember 2020

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020, Dasar Bekerja Dari Rumah

Surat Edaran JPA dengan rujukan JPA.100-1/4/2(16) bertarikh 24 Mei 2021

Garis Panduan Pengoperasian Pejabat Kerajaan Di Bawah PKP 3.0

INFO COVID-19 DI LAMAN SESAWANG JPK

www.dsd.gov.my

GARIS PANDUAN & OPERASI STANDARD (SOP) BAGI MAKSUD LATIHAN KEMAHIRAN SELARAS PENGUMUMAN ARAHAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- Garis Panduan SOP Pelaksanaan SLaPB (telah dikemaskini pada : 5 Februari 2021)
- Garis Panduan SOP Pelaksanaan SLDN (telah dikemaskini pada : 5 Februari 2021)
- Garis Panduan SOP Pelaksanaan PPT (telah dikemaskini pada : 8 Jun 2021)
- Garis Panduan SOP Pelaksanaan PDP Secara Dalam Talian
- Garis Panduan Verifikasi Pentauliah Bersemuka
- Garis Panduan Verifikasi Dalam Talian "On-Line"
- Garis Panduan Pengurusan Dan Pelaksanaan Latihan SLDN (PKP, PKPP dan PKPB) (telah dikemaskini pada : 8 Jun 2021)
- Garis Panduan Pengurusan SPKM NDT - (telah dikemaskini pada 8 Februari 2021)

**Kemaskini Terkini : 8 Jun 2021

PENUTUPAN SEMENTARA OPERASI JPK

1 JUN 2021

Penutupan Sementara Operasi JPK di Ibu Pejabat JPK Putrajaya, Pejabat JPK Cyberjaya, CIAST Dan Enam (6) Pejabat JPK Wilayah Di Seluruh Negara Selaras arahan Terkini PKP 3.0 dari 1 Jun 2021 Hingga 14 Jun 2021 dan Termasuk Tempoh Perlanjutan (jika ada)

PELAKSANAAN VERIFIKASI PENILAIAN AKHIR SECARA DALAM TALIAN

Pelaksanaan Verifikasi Penilaian Akhir Secara Dalam Talian Di Pusat Bertauliah (PB), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Sepanjang Tempoh PKP - kemaskini 8 Jun 2021

Ruj : JPK/700/5 /Jld. 43 (31)

Tarikh : 28 Mei 2021

KEBENARAN ARAHAN PERGERAKAN BERTUGAS DALAM TEMPOH (PKP 3.0)

Kebenaran Arahan Pergerakan Bertugas Semasa Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP 3.0) Di Pusat Bertauliah (PB) Awam Dan Swasta :

- Surat Kebenaran Arahan Pergerakan Bertugas PKP 3.0 PB Awam & Swasta
- Borang Kebenaran Bertugas PKP 3.0 PB Awam & Swasta
- SOP JPK PKP 3.0


Tarikh : 11 Jun 2021

LAIN-LAIN PEMAKLUMAN

- 30 April 2020 | Kelulusan Khas Pelaksanaan Program Kemahiran Sehingga Satu (1) Tahun Bagi Program Bertauliah Yang Telah Tamat Tempoh Pentauliah Susulan Daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Melalui Kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Dan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) [Ruj : JPK/702/1/10 Jld. 15 (44)]
- 18 Mei 2020 | Pembatalan Dan Penangguhan Pertandingan Kemahiran Malaysia Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 2020 [Ruj : JPK 9/4/5 Jld.24(56)]
- 19 Jun 2020 | Makluman Keperluan Pindaan Tempoh Latihan (Pelanjutan) Bagi Kumpulan Pelatih Berdaftar Yang Telah Tamat Atau Akan Tamat Tempoh Latihan Disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) [Ruj : JPK/700/5 Jld41 (19)]


Maklumat lanjut:
www.dsd.gov.my

PENDAFTARAN PERANTIS SLDN BERINSENTIF WILAYAH TENGAH



Jumlah = 7667

PENDAFTARAN PERANTIS SLDN TANPA INSENTIF WILAYAH TENGAH





Jumlah = 5915

AKTIVITI LATIHAN NORMA BAHARU



AKTIVITI LATIHAN
DIJALANKAN DENGAN
MEMATUHI SOP



LAWATAN PEMANTAUAN
OLEH PIHAK JPK
SECARA ATAS TALIAN





KOLEKSI NIKMAT DAN FESYEN BERPISAH TIADA



Aktiviti latihan kemahiran melalui kaedah SLDN di Koleksi Nikmat



Antara Majlis Konvokesyen SLDN yang pernah disertai oleh Koleksi Nikmat

SESI TEMUBUAL BERKAITAN PELAKSANAAN SLDN YANG TELAH DITEROKA SEJAK TAHUN 2012 DIBUAT BERSAMA PUAN RAHMAH BINTI MARLAN, PENGURUS PUSAT BERTAULIAH KOLEKSI NIKMAT.

BERAPA RAMAI PERANTIS YANG TELAH BERJAYA DILAHIRKAN OLEH KOLEKSI NIKMAT SEHINGGA KINI?

Seramai 215 perantis telah berjaya dipersijilkan sejak tahun 2012 sehingga kini.

APAKAH PERANCANGAN KOLEKSI NIKMAT UNTUK TAHUN 2021?

Sudah semestinya Koleksi Nikmat berharap dapat terlibat dalam apa jua peluang yang diwujudkan oleh JPK. Koleksi Nikmat berhasrat :

- i) Mewujudkan seberapa banyak jalinan kerjasama dengan pihak-pihak yang berminat untuk terlibat dalam SLDN. Untuk makluman, SLDN adalah salah satu platform yang baik untuk jangka masa yang panjang.
- ii) Mengeluarkan produk yang dihasilkan oleh perantis SLDN sama ada bekas perantis atau perantis semasa seperti yang sedang pihak Koleksi Nikmat lakukan sekarang.
- iii) Menghasilkan buku untuk rujukan bersama yang mudah difahami dan boleh dimanfaatkan oleh pelbagai golongan masyarakat.

APAKAH USAHA YANG DILAKUKAN UNTUK MENERUSKAN MOMENTUM KEJAYAAN DALAM USAHA MENGEKALKAN PUSAT LATIHAN SLDN?

Berdasarkan cabaran terutamanya ketika diuji dengan pandemik Covid-19 yang membataskan banyak pergerakan dan hampir melumpuhkan operasi syarikat, Koleksi Nikmat bersyukur dan berterima kasih kepada kakitangan yang sangat berdedikasi. Saya percaya kakitangan adalah kekuatan dalam memastikan operasi syarikat untuk terus kekal dan mampu menghadapi cabaran. Antara lain usaha untuk terus kekal adalah seperti berikut:

- i) Mengeluarkan produk dalam bentuk runcit dan pukal.
- ii) Sentiasa mencari jalan dan peluang. Jika ada peluang yang diberikan, laksanakan peluang tersebut dengan sebaik mungkin.

APAKAH KEISTIMEWAAN JIKA MENJALANI LATIHAN DI KOLEKSI NIKMAT?

- i) Menekankan pembelajaran yang seiring dengan keadaan semasa.
- ii) Tenaga pengajar yang berpengalaman.

KRITERIA APAKAH YANG PERLU ADA DALAM DIRI SESEORANG PERANTIS UNTUK BERJAYA?

- i) Perantis yang berdedikasi dan berdisiplin.
- ii) Kematangan dalam berfikir.
- iii) Sanggup bekerja keras.
- iv) Tidak menjadikan halangan sebagai satu perkara yang melemahkan.

BOLEH CERITAKAN KEJAYAAN PERANTIS YANG TELAH MENJALANI LATIHAN DI KOLEKSI NIKMAT?

Sebahagian besar bekas perantis kami telah menjadikan jahitan sebagai salah satu sumber pendapatan. Aktiviti perniagaan yang dijalankan adalah seperti berikut:

- i) Membuka butik pakaian pengantin.
- ii) Membuka kedai menjahit pakaian.
- iii) Menerima tempahan di rumah.
- iv) Membuka perniagaan secara online dengan menjual pakaian siap.
- v) Menjadi tenaga pengajar bidang jahitan.

HARAPAN KOLEKSI NIKMAT UNTUK PROGRAM SLDN PADA MASA HADAPAN?

- i) Program SLDN dapat dikekalkan.
- ii) Memberi seberapa banyak pendedahan kepada masyarakat berkenaan program SLDN dan memberi pelbagai bentuk program untuk peningkatan pusat latihan.
- iii) Memudahkan dan memberi tempoh masa yang mencukupi kepada pusat latihan jika ada suatu perubahan dibuat.

BAGAIMANA CARA KOLEKSI NIKMAT MEMBERI PELUANG KEPADA PERANTIS?

- i) Mewujudkan rangkaian kerjasama dengan memberi maklumat dan peluang kepada pihak yang memerlukan kepakaran dari bekas perantis dan perantis semasa.
- ii) Menawarkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kemahiran mereka.
- iii) Memberi peluang untuk tambah nilai pada bekas perantis untuk meningkatkan keyakinan dengan menawarkan beberapa peluang program yang dianjurkan seperti guubahan bunga, jahitan kreatif dan lain-lain.

BAGAIMANAKAH CARA MEMOHON UNTUK BELAJAR DI KOLEKSI NIKMAT?

Sesiapa yang berminat boleh menghubungi pihak Koleksi Nikmat melalui alamat emel : raha_onestop@yahoo.com.

DARUL QURAN HASRAT LAHIRKAN 125,000 HUFFAZ PROFESIONAL MENJELANG 2050



Kerjasama antara Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan JPK bermula pada tahun 2015 berdasarkan keputusan mesyuarat agensi tersebut pada 30 Jun 2015 yang meluluskan pelaksanaan SPKM. Program ini selaras dengan hasrat kerajaan dalam mewujudkan pengiktirafan tenaga mahir kepada golongan Huffaz mengikut NOSS dalam bidang Pengurusan Masjid Tahap 3 (ET-020-3:2015), Pengurusan Masjid Tahap 4 (P854-003-4:2016) dan Pengurusan Tahfiz Tahap 3 (P854-001-3:2016) seperti yang digariskan dalam Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) dan aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang bertujuan untuk melahirkan 125,000 Huffaz Profesional menjelang tahun 2050.

Menurut Pengarahnya Tuan Mohamad Kori bin Jusoh, dengan adanya SKM daripada JPK melalui SLDN ini, lebih 100 graduan Huffaz mereka telah berjaya diprofesionalkan. Melalui program ini, Darul Quran juga telah bekerjasama dengan beberapa masjid di bawah JAIS bagi memperluaskan kemahiran perantis mereka. Perantis juga telah dilatih oleh tenaga pengajar dan coach yang mempunyai kepakaran yang tinggi dan terlatih. Antaranya adalah hakim tilawah Al-Quran, hakim hafazan, panel penyemak al-Quran, ketua fasilitator modul pengajian Al-Quran dan peserta kursus guru pakar.

Sebahagian besar graduan SKM dan DKM ini telah berjaya berkhidmat sebagai imam di beberapa buah masjid di Selangor, Kuala Lumpur, Kelantan dan Kedah. Manakala sebahagian lagi telah bertugas sebagai pengurus, penolong pengurus, konsultan serta pensyarah dan tenaga pengajar di beberapa pusat latihan Islam.



Mesyuarat jalinan kerjasama antara JPK dan Darul Quran



Perantis sedang mengikuti pemeriksaan akhir



Aktiviti sembelihan turut diajar dalam bidang yang ditawarkan



Pelaksanaan latihan amali bagi pengurusan jenazah

Dalam mengharungi pandemik Covid-19, Darul Quran juga menghadapi kekangan dalam menjalankan aktiviti yang melibatkan masyarakat. Sebagai contoh, penganjuran program berkhatan dan tadarus Al-Quran bersama ahli qariah tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka sepertimana yang dijalankan sebelum ini. Antara inisiatif yang dilakukan adalah menggunakan medium pembelajaran secara atas talian untuk menyelesaikan tugas.

Begitu juga latihan terpaksa ditangguhkan selama beberapa bulan disebabkan PKP pada awal bulan Mac 2020. Penangguhan telah dibuat beberapa kali berdasarkan kepada perkembangan kes Covid-19.

Dalam tempoh PKP juga, perantis menghadapi kesukaran untuk mengikuti pembelajaran yang dijalankan secara atas talian pada mulanya. Namun dengan bimbingan daripada tenaga pengajar yang berpengalaman, mereka dapat menghabiskan silibus yang ditetapkan dan menamatkan latihan mengikut jadual yang ditetapkan.

STATISTIK PERSIJILAN PERANTIS

BIL	NAMA BIDANG /KOD BIDANG	TAHUN	JUMLAH PERANTIS
1	Pengurusan Masjid ET-020-3:2015	2017	43
2	Pengurusan Masjid P854-003-4:2016	2019	23
3	Pengurusan Tahfiz P854-001-3:2016	2020	5
4	Pengurusan Masjid ET-020-3:2015	2021	29

Darul Quran amat berterima kasih kepada pihak JPK dan JAKIM yang sentiasa menyokong dan membantu dalam memastikan kejayaan pelaksanaan program SLDN ini. Mereka berharap agar pihak JPK terus meningkatkan usaha yang murni ini agar lebih banyak masjid dan pengusaha-pengusaha institusi tahfiz di seluruh negara akan mendapat manfaat daripada program ini.

Justeru itu program SLDN perlulah diperluaskan kepada masjid-masjid dan semua institusi tahfiz yang ada di Malaysia. Ini selari dengan hasrat kerajaan yang ingin menjadikan pendidikan Tahfiz TVET, iaitu program pendidikan tahfiz yang menggabungkan aliran vokasional dan kemahiran bagi memberi nilai tambah kepada pelajar tahfiz.



Pembelajaran secara online turut dilaksanakan dalam tempoh fasa pandemik Covid-19



Antara Graduan SKM/DKM Darul Quran



Pengurusan Darul Quran JAKIM Bersama Mudir MTSAB & Wakil JPK

DES. SALON

UNISEX CREATIVE HAIRSTYLIST

*Yakin SKM mampu janjikan masa depan
kerjaya yang baik*

Des Salon Unisex Creative Hairstylist adalah sebuah syarikat dandanan rambut yang diasaskan oleh Loh Kin Mun pada tahun 1982. Syarikat ini menyediakan perkhidmatan dandanan rambut bagi kaum lelaki dan wanita (*unisex*) dengan menawarkan harga perkhidmatan yang berpatutan.

SEJARAH PENUBUHAN

Semenjak awal penubuhannya sehingga kini, syarikat yang diterajui oleh lulusan sijil dandanan dari pelbagai kolej terkemuka di England ini menjalankan operasi di Tingkat Bawah, Bangunan Seri Kinta, Ipoh sehingga kini. Ia beroperasi dengan kekuatan 3 orang personel yang terlatih dan berkemahiran tinggi.

Kini, salon ini mempunyai kelengkapan dandanan yang mencukupi dengan 25 stesen bagi tujuan latihan amali dan perkhidmatan kepada pelanggan di sekitar bandar Ipoh.

Encik Loh Kin Mun (Desmond Loh) dan isteri beliau, Puan Kong Lie Foon telah bersama-sama mengusahakan salon ini. Mereka amat menyokong usaha pihak kerajaan umumnya dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) khususnya dalam memperkenalkan program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang sangat membantu pekerja-pekerja dan

masyarakat yang tidak mempunyai sijil kelulusan bagi mendapatkan persijilan kemahiran yang ditauliah.

Beliau bersama-sama penyelaras akan sentiasa memastikan pusat latihan Des Salon Unisex Creative Hairstylist sentiasa relevan dalam merealisasikan usaha membantu golongan tersebut. Dengan cara itu, pemegang sijil kemahiran berpeluang mendapatkan pekerjaan yang baik setanding kemahiran yang diperolehi dan juga boleh mengusahakan perniagaan salon sendiri pada masa akan datang.

Salun ini yang pada asalnya menawarkan khidmat dandanan yang sama seperti salon lain, telah memulakan peranan sebagai sebuah Pusat Bertauliah (PB) SLDN setelah mendapat pentauliahian dari JPK pada tahun 2008.



Pengasas Des Salon Unisex Creative
Hairstylist Encik Desmond Loh



Penyelaras di hadapan papan tanda salon yang telah beroperasi semenjak 1982

Disebabkan kapasiti yang terhad, PB ini telah berjaya mengeluarkan 138 pemegang sijil SKM tahap 1 dan 2 kursus Dandanan Rambut (HT-090-2:2012) melalui program SLDN. Ramai lulusan SKM dari pusat latihan ini telah mendapat tempat di industri dan ada juga di antaranya yang telah berjaya menjadi usahawan dengan membuka salon dandanan rambut sendiri.

LATIHAN DI MUSIM PANDEMIK COVID-19

Perubahan corak ekonomi yang disebabkan oleh pandemik yang melanda dunia pada ketika ini tidak mematahkan semangat pihak Des Salon Unisex Creative Hairstylist untuk meneruskan pelaksanaan latihan SLDN.

Pandemik ini sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada perjalanan operasi salon. Disebabkan itu, PB telah menerapkan keperluan pematuhan SOP kepada semua kakitangan, perantis dan juga pelanggannya sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan.

Di awal Perintah Kawalan Pergerakan, semua latihan bersemuka tidak dapat dijalankan. Oleh itu, pihak Des Salon Unisex Creative Hairstylist mengambil inisiatif dengan menjalankan latihan teori secara dalam talian menggunakan aplikasi *WhatsApp* dan *Google Meet*.

Semua perantis juga diarahkan untuk melaksana latihan amali di rumah masing-masing menggunakan patung dan peralatan yang telah dibekalkan dengan dipantau oleh *Coach* secara *online*. Ini bagi memastikan latihan tidak terhenti dan perantis dapat menerima dan mempraktikkan ilmu tanpa sebarang masalah besar. Ini adalah cabaran besar bagi kesemua sektor Pendidikan di Malaysia.



Latihan norma baharu dimana perantis mengenakan PPE khas sepanjang menjalani latihan amali dengan tunjuk ajar *coach*

HARAPAN

Des Salon berharap agar program SLDN dapat diteruskan pada masa hadapan. Ini kerana persijilan SKM terbukti memberi banyak manfaat dari sudut ekonomi dan kebolehterapan kepada masyarakat dan syarikat.

SLDN PLUS 2021: MENINGKATKAN KEKOMPETENAN TENAGA MAHIR NEGARA

Kerajaan Malaysia pada Belanjawan 2021 telah memperuntukkan insentif kewangan berjumlah RM60 juta dengan sasaran 10,000 orang perantis dengan kadar insentif bulanan perantis dinaikan dari RM625 ke RM1,000 bagi program SLDN Plus. Program SLDN Plus ini dirangka agar dapat menggalakkan lebih ramai penyertaan belia dan majikan/industri dalam program TVET serta membantu kumpulan sasar menyertai *reskilling* dan *upskilling* bagi meningkatkan nilai tambah dan *employability* susulan penularan pandemik Covid-19.

SLDN merupakan singkatan daripada Sistem Latihan Dual Nasional. 'Dual' bermaksud latihan di dalam dua situasi pembelajaran iaitu di tempat kerja yang sebenar (syarikat) yang merangkumi 70% hingga 80% latihan amali (prestasi) dan di pusat latihan yang merangkumi 20% hingga 30% pembelajaran teori (pengetahuan). Objektif utama SLDN Plus adalah untuk melahirkan pekerja berpengetahuan (K-Workers), iaitu pekerja yang memiliki tiga elemen kompetensi iaitu teknikal, sosial & kemanusiaan serta metadologi & pembelajaran. SLDN Plus yang berlandaskan *industry driven* ini dikendalikan melalui usahasama di antara sesebuah syarikat dan institusi latihan dalam bidang kemahiran tertentu. Program SLDN Plus pada tahun 2021 ini mempunyai 5 kali pengambilan perantis berturutan bermula dari bulan April sehingga Ogos. Para perantis akan mengikuti latihan kemahiran mengikut bidang pilihan mereka masing-masing sehingga 30 November 2021.



Antara bidang kemahiran yang menjadi pilihan para belia di Malaysia dalam pelaksanaan program SLDN Plus tahun 2021

ELAUN / INSENTIF BULANAN



Pusat Latihan
RM300/Perantis



Syarikat
RM200/Perantis



Perantis
RM500

PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU

PERASMIAN AKADEMI CARSOME

SEBAGAI PUSAT
PENILAIAN AMALI

Akademi Carsome yang merupakan cabang pendidikan bagi platform e-dagang kereta bersepadu baru-baru ini telah ditauliahkan sebagai Pusat Penilaian Amali (PPA) bagi program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) oleh JPK di dalam bidang Pemeriksaan Kenderaan Bermotor. Perasmian telah disempurnakan oleh wakil JPK Wilayah Tengah.

JPK berharap pihak Akademi Carsome dapat menggunakan Pentauliah PPA-PPT daripada pihak JPK untuk mempersiapkan pekerja mahir yang berpengalaman dengan Persijilan Kemahiran Malaysia supaya lahir lebih ramai tenaga mahir berpengalaman yang diiktiraf dalam bidang tersebut.

Akademi Carsome juga adalah merupakan pusat bertauliah SLDN JPK yang telah mendapat Geran Insentif SLDN Plus bagi bulan Mei tahun 2021 .



Pemeriksa kenderaan di Akademi Carsome dilatih oleh pakar



Perasmian Akademi Carsome sebagai Pusat Penilaian Amali

12 TENAGA MAHIR SPA TERAPI AL-FATEH DIPERSIJKAN SKM TAHAP 3 BIDANG URUT TERAPI

Spa Terapi Al Fateh telah ditubuhkan pada tahun 2012 di Klang, Selangor. Tujuan penubuhan Spa Terapi Al Fateh ini adalah bagi yang membantu, merawat dan mendidik masyarakat dalam mengenalpasti punca penyakit dalam tubuh badan mereka, serta bagi mengajar mereka memilih herba-herba yang sesuai serta bertepatan dengan hukum Ying dan Yang dalam usaha untuk mengubati penyakit yang dideritai.

Melalui kaedah PPT, seramai 12 orang tenaga mahir Spa Terapi Al Fateh telah berjaya dipersijilkan dengan SKM Tahap 3 bidang Urut Terapi.



Wajah ceria para juruterapi setelah berjaya memperoleh SKM 3

Pengarah Urusannya Dr (N) Jareah bt Mahmood mengucapkan terima kasih khususnya kepada pihak JPK Wilayah Tengah yang telah membimbing dan membantu pihak Spa Terapi Al Fateh dalam mengiktiraf 12 orang tenaga mahir mereka. Dengan adanya pengiktirafan SKM Tahap 3 Urut Terapi ini, ia menjadi salah satu platform kepada pihak syarikat dalam memperluaskan perniagaan dan perkhidmatan mereka.



Dr (N) Jareah bt Mahmood memberi bimbingan kepada juruterapinya

AKTIVITI PROMOSI JPKWT

JULAI 2020

PROGRAM NCER



3 JULAI 2020 | MESYUARAT PELAKSANA JAWATAN KUSAUSA @ PERAK

TAKLIMAT PPT



7 JULAI 2020 | 15 ORANG PESERTA @ JPKWT

PROGRAM KUNJUNGAN HORMAT



20 JULAI 2020 | YB TUAN HJ RAZMAN ZAKARIA BERSAMA KETUA JABATAN KSM @ ILP IPOH PERAK

KHIDMAT RUNDING



21 JULAI 2020 | BERSAMA FAKULTI SAINS GUNAAN, UITM TAPAH @ JPKWT

KHIDMAT RUNDING



22 JULAI 2020 | PERBINCANGAN BERSAMA Aeon TRAINING SCHOOL @ JPKWT

KARNIVAL PENJANA KERJAYA



25 JULAI 2020 | DIRASMIKAN YB DATUK SERI M SARAVANAN MENTERI SUMBER MANUSIA @ TAPAH PERAK

TAKLIMAT PPT



6 OGOS 2020 | SR AVIATION @ SUBANG SKYPARK SELANGOR

MAJLIS GO TVET ORANG ASLI



8 OGOS 2020 | DIRASMIKAN YB DATUK SERI M SARAVANAN, MENTERI SUMBER MANUSIA

KARNIVAL KERJAYA & KEMAHIRAN JOBS MALAYSIA



22 OGOS 2020 | DEWAN TAN SRI GHAZALI JAWI @ SLIM RIVER, PERAK

OGOS 2020

TAKLIMAT PPT



2 SEPT 2020 | AEROSYSTEM MALAYSIA SDN BHD @ LTAAS, SUBANG, SELANGOR

TAKLIMAT SPKM



9 SEPT 2020 | PERODUA RAWANG

LAWATAN PEMANTAUAN



11 SEPT 2020 | SOLID WASTE TRAINING CENTRE @ MELAKA

TAKLIMAT PPT



24 SEPT 2020 | SPA TERAPI ALFA TEH @ KLANG SELANGOR

SEPT 2020

JAN 2021

TAKLIMAT PPT



5 JANUARI 2021 | 10 ORANG PESERTA @ JPKWT

FEB 2021

TAKLIMAT PPT SECARA ONLINE



2 FEBRUARI 2021 | 45 ORANG PESERTA @ JPKWT

TAKLIMAT PPT SECARA ONLINE



2 MAC 2021 | 101 ORANG PESERTA

TAKLIMAT PPT SECARA ONLINE



Taklimat Pengenalan Sijil Kemahiran Malaysia Secara PPT JPK Wilayah Tengah 4/3/2021

4 MAC 2021 | THAMES OXFORD

TAKLIMAT PPA-PPT



10 MAC 2021 | DA RUL QURAN JAKIM, KUALA KUBU

KHIDMAT RUNDING



17 MAC 2021 | LITTLE CALIPH @ SHAH ALAM

KHIDMAT RUNDING



17 MAC 2021 | PRA SARANA SUBANG JAYA

TAKLIMAT SPKM-SLDN



31 MAC 2021 | GLOBAL IKHWAN SDN BHD @ SUNGAI PENCALA

MAC 2021

APRIL 2021

TAKLIMAT PPT SECARA ONLINE



6 APRIL 2021 | 5 ORANG PESERTA

KHIDMAT RUNDING



7 APRIL 2021 | SPKM-PPT BERSAMA PERODUA SDN BHD

KHIDMAT RUNDING SPKM



28 APRIL 2021 | SCANIA (M) SDN BHD

TAKLIMAT PPT SECARA ONLINE



4 MEI 2021 | 30 ORANG PESERTA

MEI 2021

TAKLIMAT PPT SECARA ONLINE



1 JUN 2021 | 36 ORANG PESERTA

JUN 2021

KURSUS ANJURAN JABATAN

Keselamatan
Perlindungan
11-13 Ogos 2020



Advance Power Point
14-15 Ogos 2021

Penulisan Kreatif
26-27 Ogos 2020




Pembangunan Soalan
11-18 Februari 2021



AKTIVITI KAKITANGAN JPKWT



ULANG TAHUN KELAHIRAN KAKITANGAN



GOTONG ROYONG EKSA & PEMERIKSAAN KESIHATAN



MAJLIS PERSARAAN (PILIHAN) PN NORLIANA BT JEMAIN 9 SEPTEMBER 2020



PERSIAPAN MENYAMBUUT AIDILFITRI 2021



“Amanah Dalam Pekerjaan”

Rasulullah SAW bersabda :
“Sesungguhnya Allah mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu kerja, dia laksanakan dengan cemerlang”

(Riwayat Al-Tabarani)

Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Tengah,
Kementerian Sumber Manusia,
A301-2, Tingkat 3, West Wing,
Wisma Consplant 2, No 7, Jalan SS 16/1,
47500 Subang Jaya, Selangor.



03-5635 9995



03-5638 8777



jpktengah@mohr.gov.my



JPK Wilayah Tengah

